

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 17 TAHUN 1978

Rancangan Bagi Mengujud Dan Mengemaskinikan Sistem

Data Perjawatan

Pendahuluan

[Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13/1977](#) bertarikh 1hb. Julai, 1977 mengumumkan bahawa sistem Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan akan diwujudkan bersama dengan pelaksanaan gaji bersih dan syarat - syarat perkhidmatan baru mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet. Fail komputer yang dinamakan Sistem Data Personel telah berjaya diujud bagi hampir 400,000 kakitangan sektor awam di Semenanjung Malaysia.

2. Dari masa ke semasa agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan, dan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan memerlukan makluman tentang perjawatan berbanding dengan bilangan pegawai-pegawai yang ada untuk tujuan perancangan tenaga manusia, pengambilan, naik pangkat, pertukaran dan lain-lain hal pengurusan. Untuk membolehkan makluman mengenai perjawatan dihasilkan dengan segera bila-bila diperlukan, maka fail komputer yang dinamakan Sistem Data Perjawatan akan diwujudkan.

Perlaksanaan Sistem Data Perjawatan

3. Sistem untuk mengujud Data Maklumat Perjawatan akan dilaksanakan secara tiga peringkat :-

- (i) Oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Jabatan - Jabatan Negeri di Semenanjung Malaysia mulai dari 1hb. November, 1978.
- (ii) Oleh Jabatan-Jabatan Negeri di Sabah dan Sarawak pada tarikh yang akan ditetapkan.
- (iii) Oleh semua Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan di seluruh Malaysia pada tarikh yang akan ditetapkan.

4. Mengikut peringkat pelaksanaan yang disebutkan di atas, tiap-tiap Kementerian/Jabatan yang terlibat akan dikehendaki mengisi Borang PR-JPA 11 (salinan disertakan) berasaskan perjawatan yang telah diluluskan. Bilangan jawatan yang diluluskan itu hendaklah disenaraikan mengikut tiap-tiap sekim perkhidmatan dan kod tanggagaji. Butir-butir itu akan dijadikan asas Sistem Data Perjawatan.

5. Untuk mengemaskini Sistem Data Perjawatan, Penyata Perubahan (juga menggunakan Borang PR-JPA II) hendaklah disediakan apabila berlaku sebarang perubahan kepada butir-butir perjawatan yang diserahkan dahulu. Awal tiap-tiap tahun butir-butir yang kemaskini di dalam Sistem Data Perjawatan akan dicetak oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di atas Borang PR-JPA II dan dihantar kepada Kementerian/Jabatan berkenaan. Dengan cara ini Kementerian/Jabatan tidak perlu menyediakan semula Borang PR-JPA II pada tiap-tiap tahun dan hanya perlu menghantar penyata-penyata perubahan sahaja apabila berlaku tambahan atau penghapusan jawatan.

Panduan Untuk Mengisi Borang PR - JPA II

6. Panduan untuk mengisi borang PR-JPA II bagi maksud mengujud dan mengemaskinikan Sistem Data Perjawatan adalah disertakan sebagai Lampiran 'A'. Panduan ini akan dicetak di belakang Borang PR-JPA II untuk rujukan.

Jadual Sekim Perkhidmatan

7. Oleh sebab kebanyakan jawatan-jawatan yang ditunjukkan di dalam Anggaran Perbelanjaan Tahunan adalah mengikut gelaran-gelaran jawatan dan tidak mengikut sekim perkhidmatan, maka untuk menyenangkan Kementerian-Kementerian/Jabatan-Jabatan dalam mengisi Borang PR-JPA II dengan keluaran Surat Pekeliling ini satu Jadual Sekim Perkhidmatan yang menyenaraikan sekim-sekim perkhidmatan yang digunakan dalam tiap-tiap Kementerian/Jabatan akan dihantarkan.

Perlaksanaan Sistem di Semenanjung Malaysia

8. Untuk peringkat pertama perlaksanaan Sistem Data Perjawatan, Pengawal Kepala Bekalan dan Ketua-ketua Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia hendaklah mengambil tindakan untuk menyediakan Borang PR-JPA II sebaik sahaja ianya diterima daripada Jabatan Perkhidmatan Awam beserta dengan Jadual Sekim Perkhidmatan yang dinyatakan dalam perenggan 7 di atas.

9. Oleh kerana kebanyakan cadangan belanjawan bagi tahun 1979 telahpun diperiksa dan dipersetujui oleh pihak Perbendaharaan atau Kerajaan Negeri, maka penyediaan Borang PR-JPA II bolehlah dibuat berasaskan kedudukan perjawatan kemaskini yang ditunjukkan dalam Anggaran 1978 serta segala perjawatan-perjawatan baharu yang diluluskan melalui Waran Perjawatan dalam tahun 1978. Borang PR-JPA II hendaklah disampaikan sebelum 31hb. Disember, 1978 kepada :

Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan,

Wisma P.K.N.S.,

Jalan Raja Laut,

KUALA LUMPUR

Peringatan Penting

10. Kerajaan adalah memandang berat terhadap pengumpulan data-data perjawatan ini dan dengan sebab itu Jabatan Perkhidmatan Awam tidak akan menimbangkan pengujudan jawatan-jawatan tambahan bagi tahun 1979 dan tahun-tahun seterusnya kepada sebarang Kementerian atau Jabatan yang tidak memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam tempoh yang ditentukan itu. Semua Ketua-Ketua Jabatan adalah diminta, supaya memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk menjayakan usaha ke arah ini.

11. Jika ada sebarang keraguan mengenai Surat Pekeliling ini, pihak Kementerian/Jabatan bolehlah berhubung dengan :-

- (i) Bahagian Perkhidmatan,
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Tingkat 10, Bangunan U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR.

(U/P: Encik Shamsuddin b. Dubi)
Tel K.L. 208144)

- (ii) Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan,
Wisma P.K.N.S.,
Jalan Raja Laut,
KUALA LUMPUR.

(U/P: Encik Hasnul bin Osman)
Tel K.L. 925044)

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD TAJUDDIN B. MUHD. DARUS)

Pengarah Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Salinan: Ketua Setiausaha Negara.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan & Negeri.

Semua Pehak Pengurusan Badan - Badan Berkanun.

Semua Pehak Pengurusan Kuasa - kuasa Tempatan.